

No. 0091

**JADUAL KEDUA**  
(Perenggan 4)

**LESEN DI BAWAH SEKSYEN 4 AKTA PELANTAR BENUA 1966**  
**UNTUK MENJALANKAN OPERASI BAGI MENDAPATKAN PASIR**

Nama Pemegang Lesen: *Bayasan Melaka.*

Alamat (dalam hal syarikat, alamat berdaftar): *No. 40-48 & 52, Jln. BKD 27,  
Tmu. Bukit Katil Damai 2, 75450 Bukit Katil, Melaka.*

Nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (jika berkenaan): .....

adalah dilesenkan untuk menjalankan operasi bagi mendapatkan pasir dari kawasan yang berikut di pelantar benua:

**KETERANGAN MENGENAI KAWASAN**

Tempat: *Kaw. Luar Peraliran Negeri Melaka.*

Luas Kawasan: *41.05 km persegi.*

(Pelan yang dilampirkan menunjukkan tempat dan luas kawasan.)

Lesen ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

1. Lesen ini hendaklah bermula pada *18.2.2016* *19* dan tamat pada *17.2.2019* (iaitu satu tempoh yang tidak melebihi lima tahun dari tarikh lesen dikeluarkan atau dibaharui). *Tiga (3) tahun sahaja.*
2. Fee hendaklah dibayar dengan kadar \$1,000.00 bagi tiap-tiap 2.59 kilometer persegi atau sebahagiannya dari kawasan bagi pengeluaran atau pembaharuan lesen.
3. Royalti hendaklah dibayar dengan kadar *0.70* ~~\$2.00~~ bagi tiap-tiap meter padu pasir yang diperolehi dari kawasan itu.

(Apabila mengeluarkan lesen, Menteri boleh mengenakan apa-apa syarat lain yang difikirkannya sesuai, menurut seksyen 4 (5) Akta.)


Fee dibayar: \$ *RM 16,000.00*

Dikeluarkan pada *17.2.2016* *19*

  
Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah

NO. RESIT: *02010116000380*

**DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**



Rujukan Tuan :  
JKPTG(S)/SPHP/8-2SK 285 (47)  
Rujukan kami : YM/S/71/69 Jld. 3  
Tarikh : 12 Februari, 2019

YBhg. Datuk Ahmad Zahari Bin Mohd Saad,  
Pesuruhjaya Tanah Persekutuan,  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan),  
Aras 2, Wisma Sumber Asli,  
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62574 Putrajaya.

Tandatangan.....  
KHAIRULBARIAH BINTI SA'FIE  
Nama..... Penolong Pegawai Tanah  
Bahagian Penguatkuasa dan Hasil Persekutuan  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
K/P..... Tarikh..... 12/02/19

YBhg. Datuk,

**LESEN NO.0091 UNTUK MENJALANKAN OPERASI BAGI MENDAPATKAN PASIR DASAR LAUT DI BAWAH SEKSYEN 4, AKTA PELANTAR BENUA 1966 -Permohonan Melanjutkan Tempoh Lesen**

Dengan hormatnya surat YBhg. Datuk bertarikh 18 Februari 2016 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah sepertimana YBhg. Datuk sediamaklum, Yayasan Melaka bermula 18 Februari 2016 telah diberikan Lesen No.0091 di bawah seksyen 4 Akta Pelantar Benua 1966 untuk menjalankan operasi mendapatkan pasir bagi tempoh **3 tahun** yang akan tamat pada **17 Februari 2019** sepertimana Jadual Kedua di **Lampiran A**. Untuk makluman YBhg. Datuk setakat 31 Januari 2019, hanya sejumlah **203,888.26 m<sup>3</sup>** telah dilombong daripada 50 juta m<sup>3</sup> yang telah diluluskan oleh YBhg. Datuk dan pihak kami juga telah menjelaskan bayaran royalti sejumlah **RM142,721.78** sepertimana yang disyaratkan.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon pertimbangan YBhg. Datuk bagi permohonan melanjutkan tempoh lesen tersebut dengan mengambil kira asas-asas berikut;

- i. Yayasan Melaka telah dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri bagi **kerja-kerja penambakan laut seluas 400 ekar di perairan Umbai Daerah Melaka Tengah**, Melaka dimana perjanjian penambakan laut telah ditandatangani pada 2 November 2017 sepertimana di **Lampiran B**. Maka dengan ini, kelulusan lanjutan lesen ini amatlah diperlukan kerana sejumlah anggaran **14 juta m<sup>3</sup>** sumber pasir akan digunakan untuk melaksanakan kerja penambakan tersebut dan dijangkakan siap pada tahun 2025. Cadangan pelan penambakan laut seperti di **Lampiran C** untuk rujukan YBhg. Datuk;

**LESEN NO.0091 UNTUK MENJALANKAN OPERASI BAGI MENDAPATKAN PASIR DASAR LAUT DI BAWAH SEKSYEN 4, AKTA PELANTAR BENUA 1966 -Permohonan Melanjutkan Tempoh Lesen**

---

- ii. dengan komited melaksanakan kerja-kerja penambakan laut tersebut, kelulusan pengesahan *Terms Of Reference (TOR)* telah diperolehi pada **3 September 2018** seperti di **Lampiran D** dan masih menunggu kelulusan Kajian Hidraulik di Bahagian Pengurusan Zon Pantai Jabatan Pengairan dan Saliran. Seterusnya pihak perunding kami akan melengkapkan **Kajian EIA yang akan dikemukakan selewat-lewatnya penghujung April 2019**;
- iii. Sumber pasir daripada lesen ini juga diperlukan kerana Kerajaan Negeri Melaka telah menawarkan kawasan **penambakan seluas 450 ekar di Mukim Anjung Batu, Daerah Jasin Melaka** kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dan telah mensyaratkan agar kerja-kerja penambakan hendaklah **menggunakan bekalan pasir daripada Yayasan Melaka** yang memerlukan anggaran **16 juta m<sup>3</sup> pasir**. (sesalinan surat tawaran Kerajaan Negeri kepada PKNM seperti di **Lampiran E**);
- iv. Perlombongan pasir dasar laut merupakan aktiviti/kegiatan yang selaras dengan tujuan dan penubuhan Yayasan Melaka dimana sumber pendapatannya akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri sebagai sumbangan untuk Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka dan badan sukarelawan bukan Kerajaan dengan komitmen sebanyak **RM5.5 juta setahun**; dan
- v. pihak kami masih menerima beberapa permohonan pembelian pasir daripada syarikat-syarikat luar disamping memberi peluang kepada Yayasan Melaka **meneruskan aktiviti perlombongan baki kuantiti pasir** yang masih belum dilombong di kawasan lesen yang diluluskan kerana pihak kami telah membelanjakan sejumlah **RM1,118,000.00** bagi mendapatkan kelulusan lesen tersebut.

4. Maka dengan itu, bersama-sama ini dikembali lesen asal di **Lampiran A** beserta beberapa dokumen berkaitan bagi keperluan permohonan lanjutan lesen ini sepertimana berikut :

- i. Borang Jadual Pertama APB – **Lampiran F**;
- ii. Salinan resit fee permohonan RM1,000.00 yang telah dijelaskan pada 9 April 2018 seperti mana di **Lampiran G**;
- iii. Pelan Kawasan Permohonan Lanjutan Lesen – **Lampiran H**;
- iv. Senarai Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Melaka – **Lampiran I** ;
- v. Salinan Enakmen Yayasan Melaka 1984 – **Lampiran J**

**LESEN NO.0091 UNTUK MENJALANKAN OPERASI BAGI MENDAPATKAN PASIR DASAR LAUT DI BAWAH SEKSYEN 4, AKTA PELANTAR BENUA 1966**  
**-Permohonan Melanjutkan Tempoh Lesen**


5. Dalam hubungan ini, pihak kami memohon jasa baik dan pertimbangan daripada pihak YBhg. Datuk agar dapat meluluskan pelanjutan tempoh lesen Yayasan Melaka di kawasan yang telah diluluskan untuk tempoh **lima (5)** tahun bagi meneruskan operasi mendapatkan pasir dasar laut seterusnya menjayakan pelaksanaan kerja-kerja penambakan laut seluas 400 ekar yang telah dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Pertimbangan dan kelulusan daripada YBhg. Datuk berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**" MELAKA BERWIBAWA "**  
**" PINTAR, HIJAU, BERSIH "**  
**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AHAMAD KAMEL BIN ISMAIL)**  
Pengurus Besar  
Yayasan Melaka


s.k: Ketua Setiausaha Sulit Kanan.  
Kepada YAB Ketua Menteri Melaka,  
Pejabat Ketua Menteri,  
Aras 4 (Suite) Blok Bendahara,  
Seri Negeri Hang Tuah Jaya,  
75450 Ayer Keroh, Melaka

- Untuk makluman YAB Ketua Menteri  
Pengerusi Yayasan Melaka

Tandatangan.....

Nama SAIFUL

K/P 5299 Tarikh.....





PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL  
BANDAR ARMADA PUTRA  
PULAU INDAH  
42009 PELABUHAN KLANG  
SELANGOR DARUL EHSAN

YAYASAN MELAKA  
PEJABAT PENGURUS BESAR

Tel: 603-3169 4400 Samb 4414  
Faks: 603-3101 3111  
Email: [nhc@hydro.gov.my](mailto:nhc@hydro.gov.my)  
Web: [www.hydro.gov.my](http://www.hydro.gov.my)

Ruj. Tuan  
Ruj. Kami  
Tarikh

Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
(Bahagian Penguatkuasa dan Hasil Persekutuan)  
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli  
Aras 2, Podium 1, Wisma Sumber Asli  
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4  
62574 PUTRAJAYA

<input type="checkbox"/>	Pengurus Kanan Pentadbiran Sumber Manusia	<input type="checkbox"/>	Untuk Tindakan
<input checked="" type="checkbox"/>	Pengurus Kanan Projek	<input type="checkbox"/>	Sila Ulas
<input checked="" type="checkbox"/>	Pengurus Pentadbiran & Kualiti	<input type="checkbox"/>	Sila Bincang
<input checked="" type="checkbox"/>	Pengurus Kanan Kewangan & Hasil	<input type="checkbox"/>	Sila Fail
<input type="checkbox"/>	Pengurus Kanan Pemasaran & Pelaburan	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/>	Pengurus Korporat & Audit Dalam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/>	Pengurus Teknologi Maklumat	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/>	Pengurus Undang-Undang	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/>	Pengurus Integriti & Perhubungan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/>	Pembantu S/U Pejabat TPYM	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/>	Pembantu S/U Pejabat PBYM	<input type="checkbox"/>	

**MAKLUM BALAS POST DREDGE SURVEY DI BAWAH SEKSYEN 4 AKTA PELANTAR BENUA 1966 DI PERAIRAN LUAR PANTAI NEGERI MELAKA OLEH YAYASAN MELAKA**

Rujuk:

A. JKPTG(S)/BPHP/8-2 SK 414 (11) bertarikh 9 Mei 19.

1. Berhubung dengan perkara dan Rujuk di atas, adalah dimaklumkan bahawa Pusat Hidrografi Nasional (PHN) telah menerima data hasil pengukuran hidrografi (*Post Dredge Survey*) yang dilaksanakan oleh Syarikat GeoHydrocean Services Sdn Bhd pada 9 Mei 19. Syarikat merupakan kontraktor yang dilantik oleh Yayasan Melaka untuk melaksanakan pengukuran hidrografi tersebut.

2. Semakan terhadap data pengukuran telah dilaksanakan dan secara dasarnya pengukuran hidrografi yang dilaksanakan telah merangkumi kawasan permohonan melombong pasir yang telah dimajukan. Data hasil pengukuran beserta laporan pengukuran dan lembar asas yang dimajukan juga mematuhi keperluan seperti di dalam Prosedur Operasi Piawai Pengurusan Permohonan Lesen Mendapatkan pasir Dasar Laut Di Bawah Akta Pelantar Benua 1966.

3. Sehubungan itu, PHN **MENYOKONG** permohonan pelanjutan lesen di kawasan konsesi perlombongan pasir seperti yang dimajukan.

4. Sekian untuk makluman dan tindakan selanjutnya. Terima kasih.

**DR. NAJHAN BIN MD SAID**  
Laksamana Pertama  
bp Ketua Pengarah Hidrografi

Amil,

Indahani

W/16



No. Pendaftaran : AR 3239